

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran
Enche Hussein Onn di-Upachara
Meresmikan Pembukaan Bangunan
Baru Sekolah Kebangsaan Ladang,
Kuala Trengganu, pada 4hb. Mei, 71
jam 9.00 pagi.

②
Uchapan: ADHO
432
5/80

Hari ini ia-lah hari yang kedua saya dan isteri saya berada di-Negeri Trengganu. Ini-lah sekolah yang pertama saya rasmiakan di-Trengganu semenjak saya menjadi Menteri Pelajaran. Sekolah Kebangsaan Ladang, yang mendapat bangunan baru bagi menggantikan bangunan yang lama, telah di-bena dengan belanja lebih kurang \$120,000.00.

Saya di-fahamkan, bahawa sekolah ini ia-lah ^{mula²-nya} yang mula² di-bena dalam tahun 1921. Bilangan murid-nya pada masa itu adalah 88 orang. Oleh kerana bilangan murid² bertambah, maka pada tahun 1935 bangunan asal itu telah di-sambong menjadi 3 bilek. Tetapi bilangan murid² terus bertambah dan pada tahun 1954 telah di-bena lagi sebuah bangunan mengandungi 3 bilek darjah dan bangunan tambahan ini maseh ada lagi. Perkembangan pelajaran meningkat dan bilangan murid²

bertambah; maka Kerajaan telah membena bangunan baru ini untuk menggantikan bangunan lama supaya dapat menampung 660 orang, ia-itu 390 orang murid laki2 dan 270 orang perempuan belajar dalam 15 aliran.

Sekolah ini ialah satu daripada beberapa buah sekolah kebangsaan yang besar di-Pantai Timor ini dan mempunyai kelengkapan2 dan kemudahan2 yang agak chukup kalau di-bandingkan dengan sekolah2 lain di-Negeri Trengganu. Bilangan guru-nya ~~yang~~ seramai 20 orang ~~itu~~ mempunyai kelulusan dan latehan. Maka sudah seharusnya-lah pelajaran kanak2 di-sekolah ini baik dan patut-lah berpeluang melanjutkan pelajaran

menengah-nya. *Ucapan terima kaset kepada Dato Abdullah bin Abdul Rahiman kerana usaha dan jasa-nya kepada sek. ini.*

Saya di-fahamkan juga/ada ~~beberapa orang~~ murid² dari sekolah ini tidak melanjutkan pelajaran menengah mereka. *Sebab2-nya tidaklah di-ketahwi.* ~~kerana~~ tidak mempunyai sebab2 yang tertentu.

patut-nya
~~Perbuatan ini~~ tidak harus berlaku lagi, oleh kerana Sekolah Menengah untuk anak2 itu pergi belajar, tidak jauh, hanya lebeh kurang 3 batu dari kawasan ini,

ia-itu Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, dan Sekolah Menengah Rendah Kebangsaan Batu Burok. Sekira-nya murid2 kita terus tidak mengindahkan pelajaran menengah, maka mereka sendiri akan merasa kerugian apabila dewasa kelak. Oleh yang demikian, saya berharap supaya ibu2-bapa terus menghantar anak2 mereka ka-Sekolah2 Menengah sahingga-lah mereka menchapai pelajaran yang sahabis2 tinggi.

~~Dalam akta pelajaran telah pun di-nyatakan bahawa Kerajaan memberikan pelajaran kepada anak2 kita selama 9 tahun, ia-itu 6 tahun di-Sekolah2 Rendah dan 3 tahun lagi di-Sekolah2 Menengah Rendah. Jadi saya ingin tahu apakah kesulitan-nya yang menyebabkan anak2 kita dari sekolah ini dan sekolah2 yang lain tidak meneruskan pelajaran Menengah mereka?~~

bahawa Saya dapati *sebegini* Sekolah yang *begini* besar *belum* ~~tidak~~ mempunyai sebarang persatuan ibu bapa atau persatuan ibu bapa *dan* ² guru2. Persatuan ibu bapa dan guru2 sangat-lah

mustahak, lebeh2 lagi persatuan sa-umpama itu dapat menolong kemajuan pelajaran anak2 kita. Dengan ada-nya persatuan sa-umpama itu banyak kesulitan2 yang di-alami oleh anak2 di-sasabuah sekolah dapat di-atasi. Sebagai chontoh, kalau ada sabilangan kechil anak2 kita yang bersekolah tanpa mempunyai buku2 teks, atau tanpa mempunyai pakaian yang baik termasuk kasut, atau pun tiada mempunyai buku₂ tulis maka dengan mudah sahaja, persatuan itu dapat membantu. Dengan berbuat demikian, maka pelajaran anak2 yang miskin tetapi pandai tidak akan terbantut. Selain daripada itu, persatuan ibu bapa dan guru2 juga boleh berusaha mendapat wang dengan mengadakan pertunjukan pentas, pasar ria atau memungut derma di-kalangan ibu bapa dengan tujuan menolong anak2 kita maju dalam pelajaran mereka.

Persatuan2 ibu bapa dan guru2 telah banyak di-tubuhkan di-lain2 tempat dan sebagai chontoh suka saya menyatakan di-sini bahawa persatuan2 ini bergerak

dengan lanchar di-negeri2 Johor dan Perak. Saya berharap persatuan saperti ini akan bertumbuh dengan banyak-nya, bukan sahaja di-Trengganu, malahan di-negeri2 lain dan mungkin pada suatu masa nanti, kita akan dapat menubuhkan persatuan ibu bapa dan guru2 di-peringkat kebangsaan.

~~Pada hari ini juga ^{suka hendak} saya menyentoh mengenai kedudukan Guru2 Ugama sementara, yang mengajar di-Sekolah2 Menengah bantuan penoh, yang berkelulusan darjah IV. Mereka ini telah di-bayar gaji menurut tangga gaji Guru2 Ugama Sekolah2 Rendah bantuan penoh. Di-samping itu taraf mereka adalah di-anggap sabagai guru2 sementara yang boleh di-beri segala kemudahan2 yang telah di-neikmati oleh guru2 Kerajaan sementara.~~

Pada masa ini dan masa2 yang lalu, tangga Gaji Guru2 Ugama Sekolah Rendah bantuan penoh, ada-lah berbeza dari satu negeri dengan satu negeri yang lain. Dengan demikian, tangga gaji Guru2 Ugama Sementara,

* Saya hendak memaalkan babawa
 Kerajaan babau² ini telah beretuju
 menawarkan kepada guru² agama
 sementara sekolah² menungah langga gaji
 sementara.

baharu & guru² agama yang terlibat ialah:-

- (i)
 - (ii)
 - (iii)
- } lihat para 1.

Tangga gaji ~~yang~~ baharu ini adalah menjadi
 kelak
 tapak kerana melompat masuk ka- tangga
 gaji yang di shorok oleh Suahanyaya Aziz.

Kedudukan guru² agama sementara sek.²
 mengangah iaitu:-

- (iv)
 - (v)
 - (vi)
- } lihat para². 1 & 6

Satu lagi perkara yang saya suka hendak
 memaalkan ialah pelaksanaan shor² Suahanyaya
 Aziz berkenaan dengan tangga gaji dan lain².
 Perkara ini akan di- kemulkan ke- Kabul. bagi
 bimbingan dan persetujuan.

Y. M. Yongku Aeta Uasta
 Pongensi dan abli'3 Jomudi Pongimud
 Juntida Negu
 Keliwa Poyawis Pelyisun
 Pawan Gann Bessu
 Ponghu dan Oale'3 sekalan
 Jann e pwan hultani



No Siri 30
 No Penerimaan 30/80

